Dikemaskini pada 12 Mei 2021

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KUARTERS PEKERJA LOMBONG, SUNGAI BATU, MUKIM BATU TALAM

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; & Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | Kuarters Pekerja Lombong, Sungai Batu, Mukim Batu Talam, 27610 Raub |
| Tempoh Berkuatkuasa | 13 Mei 2021 (12.01 pagi) sehingga 26 Mei 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing.<br><br>PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA.<br><br>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br><br>Aktiviti majlis sosial, kebudayaan, keagamaan, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN.<br><br>KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br><br>Majikan bertanggungjawab untuk menguruskan keperluan makanan kepada pekerjanya. |